

Kejayaan Faiz Subri jadi penyuntik semangat

KOSMO - 13/1/2017 (M/S 11)

KEJAYAAN pemain tengah Pulau Pinang, Mohd. Faiz Subri meraih Anugerah Puskas Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) 2016 yang berlangsung di Zurich, Switzerland pada Isnin lalu boleh dikatakan sebagai satu tonik buat sukan bola sepak tanah air.

Ketika pelbagai kemelut melanda beberapa pasukan bola sepak tempatan termasuk kontroversi melibatkan pengurusan tertinggi Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), kejayaan Mohd. Faiz ini seakan-akan dapat menurunkan suhu panas tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang turut mengikut perkembangan anugerah itu turut berharap ia dapat memberi inspirasi kepada semua pemain bola sepak negara.

"Tahniah Faiz Subri! Kejayaan anda dlm #FIFAPuskasAward 2016 akan beri inspirasi kepada semua pemain bola sepak Malaysia dan juga harumkan nama negara!" katanya dalam laman Facebook dan Twitturnya pada Selasa lalu.

Jaringan menarik Mohd. Faiz itu menerima undian sebanyak 59.46 peratus mengalahkan dua lagi calon iaitu Johnath Marlone dari Brazil yang mendapat 22.86 peratus dan pemain wanita, Daniuska Rodriguez dari Venezuela, 10.01 peratus.

Anugerah Puskas diambil sempena nama legenda bola sepak Hungary, Ferenc Puskas yang mencipta kejayaan besar bersama Real Madrid pada era 1950-an.

Selain Mohd. Faiz, mereka yang pernah mendapat anugerah itu adalah pemain tersohor Portugal, Cristiano Ronaldo pada 2009 diikuti pemain Turki, Hamit Altintop (2010), pemain Brazil, Neymar (2011), pemain Slovakia, Zlatan Ibrahimovic (2012), pemain Colombia, James Rodriguez (2013) dan pemain Brazil, Wendell Lira (2015).



Jurulatih setiap pasukan perlu peka dengan kemahiran setiap pemain bagi memantapkan pasukan masing-masing dan bukan memburu pemain handalan sahaja untuk popular

politik mereka," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Ditanya tentang cara untuk melahirkan lebih ramai pemain berkebolehan seperti Mohd. Faiz, tambah Kay Kim, ia bergantung pada jurulatih itu sendiri.

"Kalau (jurulatih) tahu macam mana nak latih pemain kita, mereka boleh mencapai kejayaan macam ini tetapi setakat ini mereka kurang faham.

"Sebab itu kita perlu menjamin supaya pengetahuan ilmu bola sepak perlu sentiasa bertambah maju agar lebih ramai pemain hebat dapat dicungkil bakat mereka daripada kalangan pemain yang kurang menyerlah ketika ini," ujarnya.

Pengkritik sukan bola sepak negara, Khalid Ali tumpang gembira dan memuji jaringan menarik Mohd. Faiz ketika mengambil sepakan percuma semasa perlawanan Pulau Pinang menentang Pahang pada perlawanan Liga Super pada Februari tahun lalu.

Bekas pemain bola sepak Selangor itu berkata, dia sendiri tidak pernah dapat membuat sepakan

cantik seperti itu sehingga dapat mengharumkan nama Malaysia di peringkat dunia.

"Memang jaringannya terbaik. Saya pun tak pernah dapat buat begitu, sampai harumkan nama Malaysia serata dunia.

"Kejayaan mendapat Anugerah Puskas FIFA 2016 itu amat bermakna dan lebih baik lagi apabila Mohd. Faiz dapat jumpa sendiri legenda dan pemain bola sepak dunia pada anugerah tersebut," katanya.

Mengulas lanjut, Khalid memberitahu, walaupun Mohd. Faiz bukan datang daripada pasukan popular namun dia mempunyai kemahiran dan pakar dalam tendangan percuma.

Kata beliau, jurulatih setiap pasukan perlu peka dengan kemahiran setiap pemain bagi memantapkan pasukan masing-masing dan bukan memburu pemain handalan sahaja untuk popular.

"Mohd. Faiz permainannya mungkin tidak begitu mantap tetapi dia mempunyai kemahiran dan pakar dalam tendangan percuma.

"Kita tahu setiap pemain ada kemahiran dan kelebihan. Bukan pemain handalan sahaja yang boleh memantapkan pasukan tetapi perlu ada pemain yang ada kemahiran tertentu," ujarnya.

Ditanya mengenai landskap bola sepak negara ketika ini, Khalid menambah, jika kita betul-betul berlatih dan fokus, tidak ada sebab mengapa Malaysia tidak boleh menjadi pasukan kuat di Asia atau dunia.

"Saya tidak nampak apa kekurangannya cuma yang kita semua tahu, kita kekurangan program pembangunan sukan yang baik. Kalau diperhatikan dalam tempoh lima tahun ini, saya boleh katakan tidak ada namun saya berharap dalam tempoh 10 tahun ia akan berubah. Kejayaan Mohd. Faiz ini dapat dijadikan suntikan bagi melonjakkan lagi semangat pemain negara," katanya.

Wenden Lira (2015).

Pengkritik sukan, Tan Sri Prof. Khoo Kay Kim ketika diminta mengulas berita kejayaan ini berkata, ini memang sesuatu yang patut diraikan oleh semua orang kerana setakat ini apa yang kita nampak adalah bola sepak negara sedang merosot.

Oleh itu kata beliau, badan sukan itu mesti cuba menjamin supaya kita akan sentiasa mencapai kejayaan yang cemerlang seperti ini.

“Kita mesti mengejar matlamat ini. Kalau tidak, kita memang sedang membawa kesedihan kepada masyarakat kerana sukan bola sepak ini bukan sahaja popular di Malaysia malah di dunia.

“Bola sepak juga merupakan sukan yang boleh menyatukan semua orang tanpa mengira latar belakang

ENJIT-ENJIT SEMUT

